



ANUGERAH-ANUGERAH JULANGAN BAKAT UMT

KATEGORI:

ANUGERAH

KHIDMAT KOMUNITI CEMERLANG

Disediakan oleh :-

Pejabat Pendaftaran
Universiti Malaysia Terengganu

(Minit JKSM UMT Kali Ke-6 (Bilangan 2 Tahun 2020) – 23 Januari 2020)



ANUGERAH KHIDMAT KOMUNITI CEMERLANG **UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

SYARAT DAN KRITERIA

TUJUAN

Anugerah ini diberikan kepada kumpulan staf yang memberikan sumbangan yang cemerlang dalam projek komuniti, sosial dan kebajikan masyarakat. Impak sumbangan tersebut telah mendapat pengiktirafan daripada pelbagai pihak serta menjadi sumber rujukan.

SYARAT ASAS PENCALONAN

- i. Terbuka kepada semua staf UMT secara berkumpulan atau atas nama badan/pertubuhan dalaman yang berdaftar di UMT.
- ii. Setiap ahli kumpulan mesti bebas dari sebarang tindakan tatatertib/disiplin atau bukan dalam proses perbicaraan tatatertib UMT semasa permohonan pencalonan.
- iii. Program khidmat komuniti yang dilaksanakan telah memberikan impak kepada masyarakat serta mendapat pengiktirafan daripada pelbagai pihak.
- iv. Satu projek yang sama dan telah memenangi anugerah ini tidak layak dicalonkan semula.

TATACARA PERMOHONAN DAN PENILAIAN ANUGERAH

- i. Permohonan/pencalonan perlu menggunakan borang rasmi yang diperoleh melalui portal MyNemo.
- ii. Semua permohonan/pencalonan perlu lengkap dan disertakan maklumat dan bukti-bukti yang disahkan.
- iii. Permohonan akan dipertimbangkan oleh jawatankuasa penilaian yang dilantik oleh Naib Canselor dan seterusnya diperakukan di Jawatankuasa Sumber Manusia (JKSM).
- iv. Pemenang akan diluluskan oleh JKSM dan keputusan yang dibuat adalah muktamad.

KRITERIA PENILAIAN

Kriteria penilaian adalah berdasarkan pencapaian pada tahun penilaian sepertimana berikut:

Kriteria Penilaian	Pecahan Markah	Markah Penuh
--------------------	----------------	--------------

Impak Kepada Komuniti		60
- ROI/ROE Kepada Komuniti	30	
- Penerbitan	30	
Penajaan/Sumber Dana		20
Penglibatan		20
- Bilangan Komuniti	10	
- Pelbagai Agensi/Industri	10	
<i>BONUS : PENJANAAN PENDAPATAN</i>		10
Jumlah Keseluruhan Markah		100

Perincian Penilaian :

***Impak Kepada Komuniti**

*Impak Kepada Komuniti	Markah
i) ROI/ROE Kepada Komuniti >RM 20,000.00 RM 15,000.00 – RM 19,999.99 RM 10,000.00 – RM 14,999.99 RM 5,000.00 – RM 9,999.99 RM 1,000.00 – RM 4,999.99 < RM 1,000.00 *Bukti boleh diperolehi dari PPJI	30 25 20 15 10 5 Markah Penuh : 30
ii) Penerbitan - Modul yang diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf - Penerbitan Citra (Majalah, akhbar, jurnal)	15 15 Markah Penuh : 30
Penajaan/Sumber Dana	Markah
i) Dalam Universiti ii) Kerajaan/Swasta/Individu iii) Antarabangsa <i>*Ambil yang paling tinggi jika banyak kombinasi</i>	10 15 20 Markah Penuh : 20
Penglibatan	Markah
i) Bilangan Komuniti Bilangan komuniti yang terlibat dalam khidmat komuniti, sosial dan kebajikan kepada masyarakat. Sumbangan di luar tugas rasmi boleh dari mana-mana atau kombinasi daripada kumpulan keahlian/penglibatan sepertimana berikut: 5 Komuniti ke atas terlibat dalam sesuatu Program/Projek 3 - 4 Komuniti terlibat dalam sesuatu Program/Projek *Bukti boleh diperolehi dari PPJI dan program perlu berdaftar dengan PPJI *Fokus kepada kriteria yang ditetapkan oleh MyRa	10 7 Markah Penuh : 10
ii) Pelbagai Agensi dan Industri - UMT/Agensi/Swasta - Agensi/Swasta - UMT	10 8 6 Markah Penuh : 10
Jumlah Keseluruhan Markah	100
MARKAH BONUS	
Penjanaan Pendapatan	

<i>(Pendapatan yang dimasukkan ke dalam akaun UMT)</i>	10
--	----

Bil.	Kategori	Contoh Keterangan
1.	Peningkatan Citra UMT	<i>Program Satu Perniagaan Satu Keluarga telah berjaya menarik penyertaan 20 orang staf UMT, 30 orang pelajar dan SME Corporation.</i>
2.	Pulangan Kuntungn Pelaburan (ROI) daripada Program Khidmat Komuniti kepada Kumpulan Sasaran	<i>Seramai 100 buah keluarga dari Kampung Tok Jembal menerima manfaat dari program ternak udang biru dalam kolam simen.</i>
3.	Kesan program Khidmat Komuniti terhadap Pembangunan Kendiri peserta Contoh: <i>Training of Trainers (ToT).</i>	<i>Projek komuniti iaitu Program Anak Angkat PERENTAS yang dianjurkan berjaya melahirkan fasilitator/ahli motivasi yang terdiri daripada 10 ahli PERENTAS. Mereka menerima latihan melalui pelaksanaan program.</i>
4.	Kecemerlangan Kepimpinan yang diwujudkan melalui Program Khidmat Komuniti	<i>Projek Orang Asli Semang berjaya membina hubungan yang sangat baik dengan komuniti Orang Asli Semang serta membina jaringan kerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.</i>

NILAI HADIAH

- i. Sijil penghargaan
- ii. Trofi